

16/10/2003

Elak selesai masalah dengan berperang: Dr M

reports on "Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) 2003"
PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan umat Islam sejagat supaya merangka strategi yang sesuai bagi memastikan mereka tidak terus ketinggalan dalam persekitaran dunia yang kian mencabar.

Pada masa sama, Perdana Menteri meminta umat Islam mengelak daripada cuba menyelesaikan sebarang permasalahan melalui tindakan seperti berperang kerana akhirnya tiada apa yang boleh dicapai.

Dr Mahathir berkata, perancangan strategik amat diperlukan bagi mencari jalan bagaimana untuk memaju dan membangunkan umat Islam dari segala segi serta hidup sejahtera tanpa bergantung kepada orang lain walaupun untuk membangun sumber asli sendiri.

"Hari ini kita mundur kerana kita mengabaikan pendidikan. Apa yang dilakukan ialah membalas dendam, berperang dan saling berbunuhan. Akhirnya, apa yang kita dapat? Kita perlu memikirkan sesuatu kerana walaupun kita lemah, kita mempunyai aset.

"Rancang dengan baik, laksanakan... Insya-Allah kita boleh dan itu boleh mengembalikan kesejahteraan ummah," katanya pada majlis dialog selepas menyampaikan ucapan pada Forum Perniagaan OIC di Hotel Marriott di sini, semalam.

Dalam sesi itu, enam peserta bangun bukan saja untuk bertanya soalan, malah memberi penghargaan kepada Dr Mahathir yang akan bersara 31 Oktober ini, kerana pandangan bernas dan sumbangan besarnya kepada dunia Islam.

Menjawab soalan peserta lain, beliau berkata, umat Islam tidak perlu menunggu sehingga semua 57 negara anggota OIC bersetuju sebelum memulakan sesuatu tindakan kerana ia mesti dibuat walaupun kerjasama itu membabitkan hanya dua, tiga atau empat negara.

Perdana Menteri berkata, kejayaan tidak akan dapat dicapai dan mustahil diperoleh jika umat Islam hanya menunggu sehingga semua negara Islam bersetuju mengambil sesuatu tindakan sebelum ia dilaksanakan.

"Contohnya penggunaan dinar emas urusan perniagaan dan ia boleh dimulakan dengan dua negara. Kaedah ini bukan bermakna untuk membeli barang di pasaran, tetapi mata wang itu digunakan sebagai kaedah membayar perdagangan antara negara.

"Kita cuba kenal pasti satu atau dua negara untuk memulakannya dan akhirnya semua 57 negara akan bersetuju. Jangan merajuk jika kita tidak dapat membuat semua 57 negara bersetuju. Tiada masalah jika 10 negara bersetuju, sekurang-kurangnya kita memperoleh kemajuan," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, Forum Perniagaan OIC diharap dapat membuahkan hasil dalam agenda perniagaannya sekali pun jika agenda politik pada sidang OIC itu mungkin tidak begitu memuaskan.

Katanya, Ekspo OIC 2003 yang turut diadakan adalah sesuatu yang boleh menggerakkan sektor perdagangan antara negara Islam kerana ia membuka peluang termasuk bagi mengenali satu sama lain dan maklumat sesuatu produk sesebuah negara Islam lain.

Kepada soalan lain, beliau berkata, umat Islam mesti kembali kepada ajaran Islam sebenar dan bukan membuat tafsiran sendiri atau menyalah tafsir kandungan al-Quran jika mahu Islam kembali dihormati dunia seperti pada zaman kegemilangannya dulu.

Katanya, dulu dunia menghormati Islam dan umatnya kerana berpegang kuat kepada ajaran Islam, tetapi kini mereka terbahagi kepada banyak fahaman sehingga menyimpang daripada ajaran Islam sebenar.

"Kita tidak mampu untuk mempertahankan diri apabila diserang dengan

senjata canggih. Kita tak boleh mencipta senjata yang sama kerana kita kurang ilmu sains dan teknologi. Kita perlu utamakan pendidikan dan apabila kita kuat, dunia akan menghormati kita.

"Malangnya hari ini kita bergaduh dan berperang sesama sendiri. Bagaimana orang lain boleh menghormati kita," katanya sambil memberi contoh bagaimana Malaysia menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dan hidup dalam keadaan aman.

Dr Mahathir berkata, perpaduan adalah kunci kepada kejayaan kerana ia akan menghasilkan kestabilan yang membolehkan usaha untuk membangun rakyat dilaksanakan.

Sebab itulah katanya, itu Malaysia berjaya mengubah negara ini daripada sebuah negara pertanian kepada perindustrian dan kini ke arah teknologi maklumat.